

# Sasar capai terbitan bon, sukuk cecah RM11 bilion tahun ini

Cagamas Berhad menyasarkan untuk mencapai terbitan bon dan sukuk mencecah RM11 bilion tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata, setakat akhir April lalu, jumlah terbitan dicatatkan RM5.4 bilion.

“Kami positif mencatatkan jumlah terbitan lebih tinggi tahun ini berikutan keadaan pasaran lebih baik,” katanya selepas taklimat media di sini, semalam.

Pada tahun lalu, Cagamas mencapai terbitan RM5.7 bilion, sedikit tersasar daripada jangkauan awal RM6.2 bilion.

“Pada tahun lalu, pasaran modal berdepan kejutan berikutan pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang di luar jangkauan



**CHUNG**

menyebabkan berlaku sedikit ketidaktentuan.

“Kerana itu, kami memperlahankan aktiviti bagi mengelakkan pembayaran terlalu tinggi,” katanya.

Cagamas adalah perbadanan gadai janji nasional yang bertindak sebagai penerbit instrumen hutang kedua terbesar negara selepas kerajaan.